

03 AUG 2002

Downer-Pelaburan/I

AUSTRALIA TIDAK TARIK PELABURAN DARI NEGARA LAIN, KATA DOWNER

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Australia tidak menarik keluar pelaburan dari mana-mana negara di dunia, kata Menteri Luarnya Alexander Downer hari ini.

Beliau berkata Australia lebih berminat menggalakkan pertumbuhan ekonominya, menyediakan peluang pekerjaan dan mengekalkan tahap kehidupan di negara berkenaan.

"Semua kerajaan berbuat begitu. Kami hanya melakukannya dengan baik. Australia merupakan destinasi yang menarik untuk pelaburan," katanya pada persidangan media selepas jamuan teh di Suruhanjaya Tinggi Australia di sini.

Beliau berkata satu-satunya strategi negara berkenaan ialah menggalakkan lebih banyak pelaburan datang ke Australia dan sejak enam tahun lepas, ianya amat berjaya dilakukan.

Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebuah negara kaya berjaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan insentif AS\$200 juta (RM760 juta) untuk melabur di negara berkenaan. Beliau tidak menamakan negara itu.

"Kami mempunyai tenaga buruh yang efisien, kadar produktiviti dan automasi yang tinggi serta penggunaan teknologi yang canggih. Kami juga menarik pelaburan dengan mengadakan ekonomi terbuka. Ianya mudah untuk melabur di Australia.

"Keadaan politik di negara kami stabil dan kami mempunyai cukai yang secara perbandingannya rendah pada standard ekonomi berkembang dan ianya rendah berbanding dengan beberapa negara pesaing. Kesemuanya ini digabungkan untuk menjadikan Australia negara yang menarik kepada para pelabur," kata beliau.

Mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Malaysia dan akta anti-keganasan yang dicadangkan Australia, beliau tidak bersetuju bahawa terdapat persamaan antara kedua-dua undang-undang itu.

"Tidak. Undang-undang anti-keganasan di Australia tidak membenarkan penahanan tanpa perbicaraan. Ia membenarkan Perkhidmatan Perisik Rahsia Australia untuk menahan seseorang itu bagi tempoh tertentu untuk menemubual mereka, bukan menahan mereka lebih dari beberapa jam. Dan untuk berbuat demikian, kebenaran daripada seorang hakim diperlukan," kata beliau lagi.

Mengenai ISA, beliau berkata Australia tidak berhasrat untuk menyertai perdebatan berkaitan perkara itu.

"Beberapa wartawan Australia mungkin ada. Anda tahulah wartawan, mereka kata apa yang mereka hendak. Tetapi ini ialah fungsi masyarakat bebas. Wartawan Australia boleh berkata apa yang mereka mahu," kata Downer yang dijadualkan pulang ke Australia malam ini selepas lawatan dua hari ke Malaysia.

-- BERNAMA

AZH HS ABG ROS